

18/06/2002

Pilihan raya, pimpinan fokus perwakilan

Kadir Dikoh

MUNGKINKAH Perhimpunan Agung Umno kali ini yang terakhir sebelum pilihan raya umum akan datang? Apakah ucapan dasar Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis ini, akan memberi petunjuk ke arah itu atau dalam ucapan penggulungan Sabtu ini?

Walau apapun isu - meritokrasi, kuota kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), pembukaan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan program matrikulasi kepada bukan Bumiputera, Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk Matematik dan Sains - yang pasti menjadi tumpuan ialah soal peralihan kuasa dalam Umno dan pilihan raya umum akan datang.

Biar berbuih mulut perwakilan membahaskan isu semasa, tetapi jauh di sudut hati mereka tetap menjurus kepada isu pilihan raya, apatah lagi dalam keadaan parti pembangkang terumbang-ambing serta ketandusan isu kritikal, tidak seperti pilihan raya umum lalu.

Mereka sudah mendapat petunjuk daripada Presiden - melawat sebanyak mungkin negara luar dan mungkin selepas ini menumpu kepada lawatan dalam negara sebelum pilihan raya umum diadakan dalam tempoh terdekat!

Dalam pada itu, soal perubahan pucuk pimpinan juga mungkin antara yang menarik perhatian. Pemilihan dalam parti, terutama untuk jawatan kanan peringkat Majlis Tertinggi (MT) tahun depan, sudah semestinya menjadi tumpuan, sekurang-kurangnya dalam perbualan di celah perhimpunan.

Perwakilan juga mungkin menyentuhnya apabila berucap membahaskan usul. Nescaya Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sekali lagi dibanjiri lebih 2,000 perwakilan Umno dari seluruh negara mulai hari ini. Di situlah segala-galanya bermula bagi menentukan hala tuju parti dan negara pada masa akan datang.

Setiap pandangan itu akan diambil kira sebelum dibincang lanjut di Putrajaya untuk dimasukkan dalam agenda mesyuarat Kabinet dan digarap sebagai dasar kerajaan.

Ahli Umno adalah antara yang paling berkuasa kerana Umno parti yang menjadi tulang belakang kerajaan Barisan Nasional (BN). Suara mereka akan didengar oleh kerajaan. Presiden mereka adalah Perdana Menteri. Begitu juga Timbalan Presiden adalah Timbalan Perdana Menteri.

Acara perhimpunan itu bermula malam ini apabila Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, merasmikan serentak Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno serta Konvensyen Puteri Umno.

Ini adalah kali pertama perasmian itu diadakan pada sebelah malam bagi memberi masa lebih panjang kepada perwakilan untuk berbahas apabila mesyuarat sebenar dimulakan keesokannya, diikuti Perhimpunan Agung bagi badan induk selama tiga hari mulai Khamis ini.

Tiga usul akan dibahas, iaitu usul terima kasih atas ucapan dasar Presiden, Pendidikan dan Sosial serta Agama. Antara yang dijangka hangat ialah usul pendidikan dalam keadaan kontroversi isu meritokrasi, pembukaan MRSM kepada pelajar bukan Bumiputera, isu kuota bagi kemasukan ke IPTS serta pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Walau apa pun diperkatakan mengenai isu berkenaan, perwakilan tidak akan terlepas daripada berbual mengenai soal pilihan raya akan datang dan pemilihan pucuk pimpinan parti.

Berdasarkan hakikat ini, sudah ada cadangan supaya pemilihan peringkat bahagian dan MT Umno ditangguh sehingga selepas pilihan raya umum akan datang. Pemilihan itu dijadualkan tahun depan sedangkan mandat kerajaan sekarang yang diterajui Umno, akan hanya berakhir pada November 2004.

Begitupun, sudah kedengaran mengenai kemungkinan pilihan raya umum akan datang diadakan seawal akhir tahun ini atau awal tahun depan mahupun selewat-lewatnya pertengahan tahun depan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sekembalinya daripada lawatan ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg, Jumaat lalu, turut diajukan persoalan itu dan menyatakan bahawa terpulang kepada perwakilan Umno sama ada mahu pemilihan dalam parti diadakan selepas pilihan raya umum.

Kenyataan Perdana Menteri itu sudah pasti mencetuskan minat baru di kalangan perwakilan dan mereka dijangka membuat pendirian pada perhimpunan kali ini. Alasan penangguhan pemilihan jawatan dalam parti itu adalah bagi memberi tumpuan kepada jentera pilihan raya umum.

Inti pati ucapan dasar Presiden mungkin boleh dijadikan 'tip' untuk perwakilan membahaskan soal pemilihan dan pilihan raya umum itu nanti dan jawapan sebenar atau gambaran mengenainya sudah pasti terkandung dalam ucapan penggulungan Dr Mahathir pada akhir perhimpunan petang Sabtu ini.

Kenyataan terbaru Dr Mahathir yang memberi bayangan mengenai pilihan raya itu ialah ketika berucap pada majlis sambutan ulang tahun Umno ke-56 di Stadium Malawati, Shah Alam, 11 Mei lalu.

Antara lain, Perdana Menteri menyatakan: "Parti lawan patut gentar, takut kerana masa untuk mereka akan tiba tidak lama lagi. Ini masa orang kata kita lemah dan hendak jatuh. Tunggulah pilihan raya satu lagi. Wahai parti lawan, orang dan isu yang kamu peralatkan itu sudah tidak menjadi isu lagi dalam negara kita."

Ramai percaya jika pemilihan dalam parti diadakan sebelum pilihan raya umum, banyak masa dibuang sesama sendiri kerana berkempen untuk memenangi calon masing-masing sedangkan parti lawan, terutama Pas, sedang mengasak Umno dari setiap penjuru.

Seorang perwakilan secara sinis berkata: "Kempen dalam Umno sebenarnya sudah bermula. Masing-masing mahu menonjolkan diri, terutama bagi peringkat jawatan kanan. Saya khuatir jika pemilihan sebelum pilihan raya, Umno menjadi semakin parah."

Seperti biasa, sasaran perwakilan ketika membahaskan usul ialah parti pembangkang, terutama Pas. Mereka akan mengutuk Pas dari segenap penjuru tetapi kadang-kala mereka membuka pekung di dada yang menunjukkan kelemahan sendiri.

Umno yang sudah berusia 56 tahun, tidak mampu lagi untuk bercakaran sesama sendiri. Misalnya kemenangan Pas di Terengganu dan Kelantan pada pilihan raya umum lalu, dikatakan banyak berpunca daripada kelemahan Umno sendiri, bukan kerana Pas itu kuat sangat.

Sekarang, kewujudan sayap baru Puteri Umno memberikan harapan baru kepada Umno kerana ia bakal memberi impak positif. Jentera Puteri boleh diperkemaskan lagi selepas ini apabila perlembagaan Umno dipinda bagi mengesahkan kewujudan Puteri dengan status ketuanya dinaikkan ke taraf naib presiden, sama seperti Ketua Pemuda dan Wanita.

Generasi muda dalam Umno yang diwakili Pemuda dan Puteri perlu berganding bahu bagi memastikan parti itu terus relevan sebagai peneraju utama negara. Golongan pelapis ini hendaklah bergerak bersepadu bagi meneruskan perjuangan generasi terdahulu dan masa kini.

Dr Mahathir pernah menekankan soal tanggungjawab generasi muda itu dalam ucapan pada Perhimpunan Agung Umno yang lalu. Ingatan itu dibuatnya berasaskan kelesuan semangat di kalangan pemimpin muda Umno untuk terus memperjuangkan masa depan bangsa dan negara.

Dalam dunia yang penuh godaan ini, pemimpin muda mudah gelap mata dan lebih memperjuangkan kepentingan diri sendiri daripada menegakkan maruah bangsa. Sekiranya generasi muda hari ini terus leka dibuai mimpi, jangan harap Umno akan terus disegani dan disanjung tinggi sebagai parti berkuasa di negara ini.

Oleh itu, Umno perlu memperbaharui pendekatannya bagi memberi makna kepada perjuangan parti supaya dapat mendekati generasi semasa dan akan datang. Umno tidak boleh lagi bergantung kepada pendekatan era 1950-an hingga 70-an dalam menghadapi realiti abad ke-21 jika mahu terus mendapat tempat di hati rakyat.

Era retorik mengingatkan fakta sejarah semata-mata sudah berlalu, sebaliknya survival Umno bergantung kepada apa yang dapat parti lakukan sekarang dan masa akan datang.

Perjuangan Umno memerlukan ungkapan segar untuk memberikan semangat baru dalam menerajui wadah perjuangan bangsa yang memenuhi cita rasa dan aspirasi majoriti rakyat.

Mungkin pada perhimpunan kali ini sudah tidak lagi kedengaran perkataan haprak (amat hina) yang dipopularkan Dr Mahathir pada Perhimpunan Agung lalu, iaitu golongan yang sanggup bersekongkol dengan kuasa asing dan tergamak menggadai maruah bangsa Melayu hanya kerana marah dan benci kepada kepemimpinan sedia ada.

Apakah kali ini, Dr Mahathir akan sekali lagi muncul dengan ungkapan baru, iaitu 'Melayu tongkat', 'Melayu kuota' atau 'Melayu meritokrasi'?

Ini kerana beliau sendiri selalu menekankan bahawa jika mahu berjaya, orang Melayu dan pelajar Melayu tidak seharusnya terlalu mengharap hak istimewa dan sistem kuota bagi kemasukan ke universiti.

(END)